ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BILANGAN 9/1969.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
Pemungut Hasil Tanah, Besut.
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

Rang Pemasyuran Warta Kerajaan Berkaitan Dengan Pelan Sukat.

Adalah dimaklumkan iaitu undang-undang Ketetapan Tanah (Pelan Ukur) 1954 (Description of Land (Survey Plan) Ordinance 1954 ) telah dimansuhkan menurut Pemasyuran Undang-undang Persekutuan (L.N.) Bilangan 477 bertarikh 23.12.1965. Di harap apabila pihak tuan menghantar rang pemasyuran sesuatu kawasan berkait dengan Undang-undang Taliair, Hutan Simpan dan bagi tapak-tapak yang hendak disimpan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara maka janganlah disebutkan Undang-undang yang dinyatakan dalam perenggan 1 di atas lagi.

2. Bagi mengganti Undang-undang ini daripada disebutkan dalam rang pemasyuran itu, Pejabat Ukur dan Pejabat ini telah bersetuju supaya perjalanan pemasyuran itu disesuaikan dengan seksyen 410 dan 411 Kanun Tanah Negara.

3. Bersama-sama ini disertakan contoh-contoh rang pemasyuran bagi taliair dan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

t.t.
(DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,
Terengganu.

Bil. P.T.&.G.TR. SULIT 7/66 - (62)

s.k.
Y.B. Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Pesuruhjaya Tanah,
Negeri-negeri Tanah Melayu, Jalan Gurney,
Kuala Lumpur.

Pegawai Hutan Negeri,
Terengganu.

Jurutera Parit dan Taliair Negeri, Terengganu.

Pengetua,
Dewan Latihan Pegawai-pegawai Kerajaan,
Jalan Ilmu, Petaling Jaya,
Selangor.

Fail C.L.M. 133/58.

Kuala Terengganu, 2hb. Julai, 1969.